



LKTN akan meningkatkan keluasan kawasan tanaman pokok kenaf bagi mencapai pengeluaran sehingga 10,000 tan kenaf pada tahun ini.

Nilai industri kenaf mampu capai RM350 juta pada 2025

KOTA BHARU - Kerajaan menyasarkan nilai industri kenaf negara akan mencecah RM350 juta menjelang tahun 2025 selain mewujudkan kira-kira 2,300 peluang pekerjaan, kata Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd. Akin.

Beliau berkata, industri kenaf mempunyai potensi besar untuk dibangunkan terutama perindustrian berasaskan biokomposit, perabot, pembinaan dan automotif.

Malah katanya, seluas 2,068 hektar kawasan tanaman kenaf telah diusahakan pada tahun lepas yang melebihi sasaran 2,000 hektar sebagaimana ditetapkan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN).

“Pada tahun ini misalnya, LKTN menyasarkan tanaman kenaf dapat diusahakan di kawasan seluas 2,400 hektar dengan anggaran nilai pengeluaran sebanyak 10,000 tan.

“Dari segi jualan pula, kita sasarkan sebanyak RM7 juta berbanding jualan pada tahun lepas, RM5.451 juta,” katanya kepada pemberita di Majlis Anugerah Citra dan Khidmat Bakti LKTN di sini malam kelmarin.

Mengulas selanjutnya, beliau berkata, LKTN perlu mendepani pelbagai cabaran termasuk kurangnya kesedaran masyarakat mengenai potensi tanaman kenaf, penglibatan industri yang masih rendah selain memperkasa usaha pengkormersilan produk kenaf. - Bernama



SHAMSUL